



# POLISI DAN PROSIDUR TABUNG KEBAJIKAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID TAMAN PULAI INDAH (TKKMTPI) TAHUN 2021

## 1. PENDAHULUAN

Tabung Khairat Kematian Masjid Taman Pulai Indah, Johor Bahru (TKKMTPI) adalah satu tabung kebajikan yang ditubuhkan oleh Masjid Taman Pulai Indah (MTPI). **TKKMTPI** ini diamanahkan kepada Biro Kebajikan, Sosial dan Kebudayaan, MTPI dan diuruskan mulai bulan Januari, tahun 2018.

## 2. OBJEKTIF PENUBUHAN TKKMTPI

TKKMTPI ditubuhkan untuk memenuhi objektif berikut:

- a. Menyediakan kos perbelanjaan pengurusan jenazah ahli atau tanggungan ahli apabila berlaku musibah kematian dengan kadar segera.
- b. Mengurus dan mengumpul wang Tabung dengan teratur dan bertanggungjawab.
- c. Menyediakan peluang kepada ahli kariah untuk sama-sama menyumbang sebagai amalan kebajikan (infaq) dengan cara membantu ahli atau tanggungannya yang memerlukan bantuan apabila ditimpa musibah kematian.

## 3. UNDANG UNDANG KECIL TABUNG KHAIRAT KEMATIAN MTPI

### 3.1. Kelayakan

Dibuka kepada semua penduduk Islam dalam kariah MTPI samada penduduk tetap atau sementara (penyewa).

### 3.2. Tempoh Minima Mendapat Manfaat

Tiada tempoh minima untuk mendapat manfaat atau kemudahan. Ahli layak menuntut manfaat sebaik sahaja mendaftar dengan syarat ahli dalam keadaan sihat dan tidak koma semasa mendaftar.

### 3.3. Maksud Ahli dan Tanggungan Ahli

- 3.3.1 Umur kemasukan ahli dan pasangannya adalah bermula pada **18 tahun** berdasarkan hari jadi akan datang
- 3.3.2 Tanggungan Ahli ialah keluarga terdekat iaitu isteri/suami, anak atau anak-anak yang belum berumah tangga atau belum berdikari DAN umur anak *tidak lebih 23 tahun* kecuali anak OKU. Anak yang berumur 18 hingga 23 tahun boleh daftar berasingan bergantung kepada kemampuan keluarga.

3.3.3 Anak angkat yang berumur tidak lebih daripada 23 tahun yang dibela sejak kelahirannya dan hendaklah disahkan statusnya oleh peserta

3.3.4 Anak tiri yang berumur tidak lebih daripada 23 tahun yang dikahwini oleh duda/janda semasa tempoh sivil berkuatkuasa.

#### **3.4. Jumlah Ahli Keluarga Menerima Manfaat**

Faedah khairat dalam satu keluarga (rujuk perkara 4) adalah untuk seramai maksima 3 orang sahaja bagi tempoh satu tahun. Faedah ini juga mengambilkira ahli/keluarga yang meninggal dan dikebumikan di Taman Pulau Indah.

#### **3.5. Pendaftaran Ahli Keluarga Secara Berasingan**

3.5.1. Ahli keluarga seperti ibu/bapa yang tinggal bersama tidak perlu memohon menjadi ahli berasingan. Tempoh tinggal bersama hendaklah sekurang-kurangnya 6 bulan ke atas.

3.5.2. Anak atau anak-anak yang sudah mencapai umur *lebih 23 tahun* dan masih tinggal bersama dengan ahli serta berminat menjadi ahli TKKMTPI, perlulah mendaftar sebagai ahli baru

#### **3.6. Sumbangan Yuran Tahunan**

Sumbangan yuran tahunan **TKKMTPI** adalah sebanyak RM40.00 untuk seorang ahli dan tanggungannya yang sah. Bayaran boleh dibuat kepada AJK yang dilantik atau wakil kawasan/Fasa masing-masing.

#### **3.7. Yuran Pendaftaran**

Yuran pendaftaran dikenakan RM10.00 sekali seumur hidup. Ahli yang mendaftar akan diberikan satu kad keahlian.

#### **3.8. Ahli Yang Berpindah Kawasan Membayar Yuran Penuh**

Seseorang ahli yang telah membayar yuran tahunan **SEPENUHNYA** dan kemudian berpindah keluar dari Taman Pulau Indah dalam tempoh tahun berkenaan adalah **LAYAK** menuntut manfaat TKKMTPI sekiranya berlaku musibah setelah berpindah.

#### **3.9. Ahli Yang Berpindah Kawasan TIDAK Membayar Yuran Penuh**

Seseorang ahli yang **TIDAK** membayar yuran tahunan sepenuhnya dan berpindah keluar dari Taman Pulau Indah dalam tempoh tahun berkenaan adalah **TIDAK LAYAK** menuntut manfaat sekiranya berlaku musibah kematian setelah berpindah. Manakala ahli yang tidak membuat bayaran pembaharuan selama 2 tahun berturut-turut maka keahliannya tidak aktif. Untuk aktifkan semula dikehendaki membuat bayaran tahunan yang tidak dijelaskan termasuk yuran ahli baru.

#### 4. MANAFAAT AHLI APABILA BERLAKU KEMATIAN

Berikut adalah manfaat yang diperolehi oleh ahli yang mendaftar


Bil	Penerima Faedah/Manfaat	Kadar Faedah RM*
1	Ahli	1000
2	Pasangan Ahli	1000
3	Anak : Telah lahir ke dunia sekurang2nya sebulan dan berumur tidak melebihi 23 tahun	500
4	Anak yang meninggal dalam kandungan : 5 – 9 bulan	100
5	Anak angkat : mempunyai dokumen yang sah.	500
6	Ibu/Bapa ahli tinggal bersama dalam tempoh masa 6 bulan ke atas	800
7	Ibu/Bapa ahli tidak tinggal bersama	200

#### 5. MAKLUMAT KOS PENGURUSAN JENAZAH

Waktu Dan Perkara Urus/KOS	Dalam Kawasan ( Siang )	Dalam Kawasan ( Malam )	Luar Kawasan ( Siang )	Luar Kawasan ( Malam )
Mandi dan Kafan	180	200	180	200
Set kain Kafan	230	230	230	230
Caj Van Jenazah	FOC	FOC	FOC	FOC
Talkin	50	70	50	70
Pengurusan Kubur	400	500	400	500
Elaun Pemandu	80	100	80	100
JarakPerbatuan(PergiBalik)	0 – 90 KM	0 – 90 KM	120 KM	300 KM
Caj PerbatuanNya	0	0	30	210
<b>Total Kos (RM)</b>	940	1100	970	1310
Baki Ahli Terima (Dari manfaat RM1000)	60	-100	30	-310

**\*Nota:** Jumlah kadar bayaran adalah berubah dari masa kesemasa mengikut pihak pengurusan tanah perkuburan dan pengurusan jenazah. Kos Tol juga adalah di bawah tanggungan waris.

## 6. CARTA ALIR PROSEDUR DAN KAEDAH BAYARAN PENGURUSAN JENAZAH



## 7. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK PENGURUSAN JENAZAH

Bagi melancarkan urusan pengurusan jenazah dan tuntutan bayaran, ahli atau waris di mohon untuk menyerahkan satu salinan (fotokopi) dokumen berikut kepada pihak pengurusan:

- i . Salinan kad pengenalan atau sijil lahir (yang belum ada kad pengenalan )
- i i . Salinan surat kematian
- i i i . Salinan surat kebenaran pengebumian oleh pihak polis
- i v . Salinan kad pengenalan orang yang membuat tuntutan.

### Maklumat Pengurus Tanah Perkuburan

Tanah Perkuburan Kngkar Pulau	Tn Hj Mahmud	013-704 9400
Tanah perkuburan Bkt Alif	Tn Hj Majid	012-755 3187

## 8. JAWATAN KUASA PENGURUSAN TABUNG KHAIRAT KEMATIAN MPTI

Ahli Jawatan Kuasa Pengurusan Tabung Khairat Kematian, Sesi 2020-2022 (Untuk Pendaftaran Ahli, Bayaran Yuran, Manafaat dan Penerangan Lanjut)

Nama	Jawatan	No Telefon	Alamat
Hj Abu Bakar Bin Mohd Khalid	Pengerusi (Mawar)	019-717 0060	83, PI 3/8
Imam Fathi Aidil	Tim. Pengerusi (Dahlia)	013-796 8287	36, PI 7/8
En Wan Mohd Nasrudin	Bendahari (Carnation)	013-776 6758	6, PI 4/9
Pn Suhaila	Pen Bendahari(Mawar)	013-770 1092	1, PI 4/8
Dr Fauzan Khairi Bin Che Harun	Sistem Web/Data Khairat (Pomellia)	019-775 9749	26, PI 26/6
En Nor Fadli Bin Omar	AJK (Mellinia)	017-794 4946	6, PI 4/13
Maznan Bin Musa	AJK (Camellia)	019-757 0015	8, PI 8/9
Dr Abdul Razak Bin Rahmat	AJK (Seroja)	019-794 7730	7, Jln PI 1/6
En Zakaria Bin Maidin	AJK(Kasturi)	019-715 6594	34, PI 2/5
En Zaide Bin Ismail	AJK(Nurussalam)	016-713 9436	1, PI 15/3
Hjh Khadijah Bt. Embong	AJK ( Clover)	013-799 7624	8, Jln 3/9
Mohd Fazli Bin Md Sham	AJK (Petunia)	013-755 3884	19, PI 2/11
Mohd Najib Bin Salleh	AJK( Hazel)	012-394 0270	31, PI 2/2
Yusaini Bin Hussain	AJK(Rosmerah)	012-712 1603	21, PI 3/4
Abdul Wahab Bin Samion	AJK (Lily)	019-700 8344	49, PI 12/9
Rahmat Bin Bujah@Jaffar	AJK (Hibiscus)	012-757 2622	92, PI 2/14
Ariffin Bin Marjuki	AJK(Pulai Hijauan)	013-6722769	Penaga 4
Mohd Faiz Bin Jimin	AJK(Semarak)	012-732 8578	20, 24/6

